

Jangan sesat dengan 'wawasan akhirat'

ORANG Melayu tidak harus membenarkan diri mereka dipengaruhi kumpulan yang mendakwa 'wawasan akhirat' lebih penting daripada Wawasan 2020.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata orang Melayu patut menolak tuduhan bahawa Wawasan 2020 hanya untuk dunia semata-mata kerana pandangan mereka akan menyebabkan orang Islam sesat, lemah dan dihina kerana terpaksa bergantung kepada orang lain.

"Sebenarnya jika orang Islam tidak dapat mengejar kemajuan di dunia dan berjaya seperti orang bukan Islam, ada kemungkinan mereka akan kecewa sehingga hilang kepercayaan kepada agama Islam.

"Dengan itu tidak akan ada akhirat untuk mereka. Golongan yang mencanang wawasan akhirat inilah mungkin kehilangan tempat di akhirat," katanya dalam ucapan dasar di Perhimpunan Agung Umno.

Sebaliknya, beliau berkata, orang yang mengimbangkan dunia dengan akhirat, sebagaimana yang dikehendaki Islam, akan bahagia di dunia dan akhirat selaras dengan Wawasan 2020.

Datuk Seri Dr Mahathir, jika orang Melayu mengamalkan nilai mulia seperti yang dituntut oleh Islam,, tidak akan cacat pencapaian Wawasan 2020 disebabkan orang Melayu ketinggalan.

Perdana Menteri turut mengakui kemungkinan berlaku masalah untuk me-

entukan sama ada pertumbuhan ekonomi tujuh peratus setahun akan disertai pertumbuhan bahagian Bumiputera dengan paras yang sama atau lebih.

"Tentulah orang Melayu dan Bumiputera akan kecewa jika dalam negara maju pada tahun 2020 mereka menjadi kelompok mundur dan miskin," ujarnya.

Bagaimanapun, katanya, masalah itu tidak akan berlaku jika orang Melayu faham pentingnya penyertaan dalam usaha untuk meningkatkan pencapaian mereka.

Katanya, pencapaian Wawasan 2020 tidak mustahil berdasarkan purata pertumbuhan dalam dekad 1970-an dan 1980-an hampir tujuh peratus serta penyediaan infrastruktur yang lengkap.